



Yayasan Waqaf Malaysia

SIARAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MADANI BERSAMA PENDUDUK TELUK INTAN, PERAK

Teluk Intan, 28 September 2025 – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Pejabat Orang Besar Jajahan Hilir Perak dan Kumpulan Imarah Masjid Melayu Teluk Intan hari ini telah menganjurkan Program Santuni Komuniti Madani di sekitar Teluk Intan.

Program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Ridzwan Bakar Ketua Pegawai Eksekutif YWM sebagai wakil rasmi YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan turut dihadiri oleh YBhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Dr. Haji Meor Redwan bin Mahayudin, Orang Besar Jajahan Hilir Perak.

Teluk Intan menjadi lokasi program memandangkan YWM kini dalam peringkat awal mengenal pasti serta menjalankan kajian bagi pewujudan produk wakaf baharu yang berteraskan warisan negara. Teluk Intan mempunyai banyak tapak peninggalan bersejarah yang menjadi khazanah warisan. Justeru, program ini merupakan satu usaha menghubungkan elemen warisan dengan kebajikan, supaya wakaf dapat dipromosikan kepada masyarakat setempat secara inklusif dan berimpak tinggi.

Penganjuran program Santuni Komuniti Madani ini adalah bertepatan dengan salah nilai teras Malaysia Madani iaitu Kemampanan dan Ihsan. Selaras itu, YWM mengambil inisiatif untuk menyantuni komuniti sekitar Teluk Intan sebagai tanda keprihatinan terhadap masyarakat yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. Selain itu, program ini turut memberi peluang kepada YWM untuk menjejaki khazanah warisan bersejarah di sekitar Teluk Intan.

Menerusi program ini, **pelbagai bentuk bantuan untuk sekolah, surau, masjid dan barangan asas untuk golongan yang memerlukan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM107,940.00 telah diagihkan.** Selain itu, **rakan strategik YWM iaitu Bank Rakyat juga turut berbesar hati menyediakan peruntukan sebanyak**

RM30,000 bagi tujuan pemasangan solar di Masjid Melayu Teluk Intan. YWM dengan kerjasama PTPTN turut menyampaikan biasiswa Al-Falah di bawah produk myWaqafPTPTN kepada 2 orang mahasiswa dengan jumlah tajaan sebanyak RM26,363.59.

Turut dilancarkan sebuah aplikasi pintar iaitu MasjidNet Superapps yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Fakulti Sains dan Teknologi USIM. Menerusi pembangunan ini, YWM berperanan penting dalam menyokong pembangunan aplikasi, pelaksanaan, perluasan serta pengukuhan inisiatif pendigitalan wakaf di seluruh negara.

Menerusi ucapan perasmian penutup, YBr. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM menyatakan program ini bukan sekadar menyampaikan sumbangan, malah menjadi jambatan ukhuwah antara YWM dengan masyarakat, di samping memperkukuh kefahaman tentang wakaf sebagai pamacu pembangunan komuniti dan khazanah warisan negara. Seiring dengan prinsip *Wakaf Membangun Malaysia Madani*, YWM komited untuk mendekatkan manfaat wakaf kepada rakyat.

Penghargaan diberikan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program pada ini iaitu Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak, Jabatan Agama Islam Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Guru Agama Dakwah Teluk Intan, Kumpulan Imarah Masjid Melayu Teluk Intan, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan RELA.

-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
28 September 2025**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my